

'Pemimpin akar umbi BN' yakin dapat tewaskan Anwar di Kajang
Malaysian Insider
Feb 27, 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Menggunakan istilah "pemimpin akar umbi", calon Barisan Nasional (BN) Datin Paduka Chew Mei Fun yakin mampu menewaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang yang akan berlangsung pada 23 Mac.

Chew, yang juga naib presiden MCA berazam membantu penduduk di kerusi yang dikosongkan Lee Chin Cheh daripada PKR itu berdasarkan rekod dua penggalnya sebagai ahli Parlimen Petaling Jaya Utara sebelum ini dengan berada bersama penduduk sebanyak dua kali seminggu.

"Anwar pemimpin bertaraf antarabangsa. Beliau terlalu sibuk," katanya kepada penyokong Umno di Sekamat Luar, Kajang, malam tadi dalam ceramah kelompok anjuran BN.

Ceramah berskala kecil di kediaman penduduk tempatan menjadi teknik BN untuk berkempen di Kajang yang turut menyaksikan kehadiran Ketua Penerangan Umno, Datuk Ahmad Maslan.

Chew dalam ceramahnya di hadapan kurang 100 penyokong Umno itu turut berkata, disebabkan seringkali turun padang dan berada di longkang-longkang bermasalah semasa menjadi ahli Parlimen, Tony Pua yang kini ahli Parlimen Petaling Jaya Utara menggelarnya "Ahli Parlimen Longkang."

"Saya nak berikrar, kalau beri saya peluang, saya akan berkhidmat dengan sendiri. Saya tidak akan hantar pembantu dan setiausaha saya.

Chew Mei Fun berucap di hadapan penduduk Sungai Sikamat di Kajang, Selangor. – Gambar The Malaysian Insider oleh Nazir Sufari, 27 Februari, 2014."Kalau saya diberi peluang berkhidmat, saya akan balik dan kita akan jumpa lagi," katanya.

Kerusi DUN Kajang dikosongkan Lee untuk memberi peluang kepada ketua umum PKR itu untuk bertanding.

Tindakan Anwar bertanding di DUN Kajang dilihat untuk menyelesaikan kemelut dalaman PKR di antara Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan juga Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali.

Anwar juga dikatakan bakal menggantikan Khalid sekiranya beliau berjaya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang.

"Wakil rakyat ini wakil rakyat untuk semua. Bukan untuk Cina atau wanita," kata Chew.

Dalam ucapannya itu, Chew turut berkata, beliau sudah memulakan khidmat kepada penduduk setempat di Kajang dengan projek perintis untuk ibu dan bapa tunggal.

"Sejak 2008, saya sudah bermula di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sungai Chua yang mana saya dapatkan penderma untuk menaja perbelanjaan RM6,000 tiap-tiap bulan bagi menjaga 25 orang anak-anak daripada ibu atau bapa tunggal yang tidak mampu menghantar anak ke pusat jagaan selepas sekolah," katanya.

Melalui tindakan itu katanya, beliau dapat mengurangkan beban keluarga anak-anak berkenaan.

"Sebulan sekali kita akan membawa kanak-kanak tersebut keluar. Kita ke KLCC, Putrajaya dan banyak lagi," katanya menjelaskan program berkenaan.

Chew bagaimanapun berkata, beliau mengakui sebagai calon "underdog", Anwar adalah saingan yang besar untuknya di kerusi DUN Kajang dalam PRK ini.

"Anwar adalah ketua pembangkang dan ahli politik berpengalaman. Dari segi itu saya 'underdog'," katanya.

Beliau turut yakin, dengan kepimpinan baru MCA, rakyat terutamanya pengundi di Kajang sudah pasti mampu menilai kepimpinan baru parti komponen Cina BN itu.

"Kalau ikut Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), MCA memang tidak dapat menang kerusi yang banyak dan kita mengalami penurunan sokongan, dengan wakil rakyat pun sudah kurang.

"Tetapi saya rasa kita sudah ada pemimpin baru, mungkin rakyat akan beri peluang kepada MCA," katanya.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari penamaan calon bagi PRK Kajang pada 11 Mac. Selain Anwar dan Chew, bekas menteri Kabinet yang merupakan bekas anggota PKR, Datuk Zaid Ibrahim sudah menyatakan hasrat untuk bertanding dalam PRK Kajang.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-akar-umbi-bn-yakin-dapat-tewaskan-anwar-di-kajang>